

## **AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

### **UNDANG – UNDANG KECIL LARANGAN MEROKOK DALAM PANGGUNG (MAJLIS PERBANDARAN TAIPING) 1985**

PADA menjalankan kuasa – kuasa yang diberi di bawah seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Perbandaran Taiping membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang – undang kecil berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Larangan Merokok Dalam Panggung (Majlis Perbandaran Taiping) 1985 dan hendaklah dipakai dalam kawasan Majlis Perbandaran Taiping.
2. Sesiapa yang menghisap apa-apa cerut, rokok, paip atau benda yang seumpamanya di dalam mana-mana dewan pawagam, panggung, atau mana-mana pertunjukkan sandiwara lain dalam mana-mana dewan yang dibuka kepada orang ramai di atas pembayaran suatu fee atau apa-apa bayaran yang lain adalah bersalah atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit dan bagi maksud undang-undang kecil ini tindakan memasang api apa-apa cerut, rokok, paip atau benda yang seumpamanya adalah dianggap sebagai merokok.
3. Sesiapa yang melakukan kesalahan atau secara munasabah disyaki melakukan suatu kesalahan terhadap undang-undang kecil ini pada padangan seseorang pegawai Majlis Perbandaran Taiping atau pegawai polis atau pengurus pawagam itu, boleh ditangkap tanpa sesuatu waran emlainkan orang itu memberi nama dan alamatnya yang betul dan pegawai Majlis Perbandaran Taiping atau pegawai polis atau pengurus pawagam itu berpuas hati bahawa orang itu akan menjawab pada waktu yang sepatutnya mana-mana saman atau lain-lain tindakan yang mungkin diambil terhadapnya.
4. (1) Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis boleh mengarahkan apa-apa dakwaan di bawah undang-undang kecil ini.

(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh menjalankan dakwaan itu.

Diperbuat pada 29hb Oktober 1984.

[MPT PEN 10/2 Sj.9; PU Pk.23/75.]

IDRIS BIN MAMAT,  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Taiping

Disahkan pada 27hb Mac 1985.

[PSUK Pk. (KT) 20719]

MOHD. SHAHAR BIN HJ ALANG SAIDIN,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Perak